



Volume 11(2), November 2018

ISSN 1979-0112 (print) and 2622-6855 (online)

Contents

Sambutan. [ii]

YUDI HARTONO, SAMSI HARYANTO & ASROWI,
*Historical Reflections on the Nation's Character Education Model
in Indonesia.* [135-146]

DEDE SUGANDI,
*Model Studi Outdoor pada Proses Pembelajaran Kerusakan Lingkungan
di Cekungan Bandung.* [147-158]

NURUL ZURIAH & HARI SUNARYO,
*Rekayasa Sosial Model Pendidikan Karakter Berbasis Nilai Kearifan Lokal
dan Civic Virtue di Perguruan Tinggi.* [159-174]

SRI HAPSARI,
*Leadership Challenges of the 21st Century: Professional Attitude
and Critical Thinking Skills.* [175-186]

LELLY QODARIAH & DESVIAN BANDARSYAH,
Penguatan Pembelajaran IPS Berdasarkan Kurikulum 2013. [187-196]

Info-sosio-edutainment. [197-210]

SOSIOHUMANIKA: Jurnal Pendidikan Sains Sosial dan Kemanusiaan. This journal, with print-ISSN 1979-0112 and online-ISSN 2622-6855, was firstly published on May 20, 2008 in the context to commemorate One Millenium of National Awakening Day in Indonesian. The SOSIOHUMANIKA journal is published twice a year i.e. every May and November. For period 2013 to 2018, the SOSIOHUMANIKA journal has been accredited by Ditjendikti Kemdikbud RI (Directorate-General of Higher Education, Ministry of Education and Culture of the Republic of Indonesia). Since firstly issue of May 2008 to date, the SOSIOHUMANIKA journal has been published by Minda Masagi Press as a publishing house owned by ASPENSI (the Association of Indonesian Scholars of History Education) in Bandung, West Java, Indonesia; and since issue of November 2017 to date, this journal has again been managed and organized by the Lecturers of UNIPA (University of PGRI Adibuana) Surabaya, East Java, Indonesia. Website: www.journals.mindamas.com/index.php/sosiohumanika

SAMBUTAN



Saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada Pengerusi Minda Masagi Press milik daripada pertubuhan ASPENSI (Asosiasi Sarjana Pendidikan Sejarah Indonesia) di Bandung, di atas kejayaan dalam mentadbir dan menganjur jurnal SOSIOHUMANIKA selama masa 10 tahun, iaitu mulakan isu Mei 2008 sehingga isu November 2018. Ini adalah satu kerjaya yang bukan senang, justeru ianya perlu kerja berpasukan dan bertungkus-lumus, supaya jurnal akademik ini boleh terbit secara berterusan hingga bila-bila masa. Mentadbir dan menganjur sesebuah jurnal, sememangnya, tak setakat diperlukan keazaman dan kerja kuat, tetapi juga perlu sikap yang rajin, tekun, teliti, dan akhir sekali kena ada minat yang menyeronokan.

Saya persendirian, sememangnya, ada hubung-kait secara emosional dan wujud pula kenangan bersejarah dengan penerbitan jurnal SOSIOHUMANIKA ini. Seperti sedia maklum bahawa jurnal SOSIOHUMANIKA, pada awal mulakan terbit, ianya dianjurkan dan kongsi bersama antara jabatan FPIPS UPI (Fakulti Pendidikan Ilmu Pengetahuan Sosial, Universiti Pendidikan Indonesia) di Bandung dengan SSS UMS (Sekolah Sains Sosial, Universiti Malaysia Sabah) di Kota Kinabalu. Hampir dengan bulan Mei 2008, rombongan kami, iaitu Yang Berhormat NC (Naib Canselor), saya, dan rakan-rakan Pensyarah daripada UMS datang terus ke Kampus UPI di Bandung untuk membuat "surat persepahaman" bersabit penerbitan jurnal SOSIOHUMANIKA. Itulah kali pertama saya melawat Bandung, satu bandar yang cantik dan berhawa sejuk, sesuai dan selesa untuk kerja-kerja kuat dalam bidang akademik, termasuk mentadbir dan menganjur jurnal SOSIOHUMANIKA. Alhamdulillah, jurnal berkenaan pula sehingga sekarang masih wujud dan berterusan terbit. Saya tompang bangga.

Jurnal SOSIOHUMANIKA adalah satu media untuk berkongsi idea dan pengalaman dalam bidang penyelidikan mengenai Pendidikan Sains Sosial dan Kemanusiaan. Selama 10 tahun, jurnal SOSIOHUMANIKA sudah pun merekodkan dan menghimpun artikel-artikel yang datang daripada para Pensyarah, Penyelidik, Cikgu, dan Ahli Akademik lainnya, tak setakat daripada Indonesia dan Malaysia, tetapi juga dari negara-negara jiran lainnya di rantau Asia Tenggara (bahkan daripada serata Dunia). Membagi laluan kepada para penulis untuk menghantar artikel, sama ada dalam BI (Bahasa Inggeris) mahupun dalam BM (Bahasa Melayu) dan BINA (Bahasa Indonesia), adalah satu dasar yang sesuai daripada Sidang Pengarang Jurnal SOSIOHUMANIKA, dan ianya selari dengan isu-isu kontemporari dan cabaran semasa. Justeru itu, kita boleh banyak belajar dan menambah wawasan bersabit dengan perkembangan disiplin ilmu Pendidikan Sains Sosial dan Kemanusiaan.

Artikel-artikel yang terbit dalam jurnal SOSIOHUMANIKA, edisi November 2018, sekarang ini pula kekal wujud manfaatnya dan menyeronokan. Artikel yang bertajuk "Refleksi Sejarah tentang Model Pendidikan Karakter Bangsa di Indonesia", contohnya, adalah satu anjakan minda dan wawasan mengenai kepentingan pendidikan karakter kebangsaan di Indonesia, ekoran wujud krisis identiti warga negara dan hala-tuju daripada negara-bangsa Indonesia. Begitu pun dengan artikel kedua, yang bertajuk "Model Studi Outdoor pada Proses Pembelajaran Kerusakan Lingkungan di Cekungan Bandung", ianya boleh dijadikan tanda-aras bagi kepentingan pengajaran Pendidikan Geografi di bilik darjah dengan pembangunan mampan dan persekitaran yang semulajadi.

Artikel yang ketiga, bertajuk "Rekayasa Sosial Model Pendidikan Karakter Berbasis Nilai Kearifan Lokal dan Civic Virtue di Perguruan Tinggi", mengambil berat pendidikan karakter yang berasaskan kepada nilai-nilai murni daripada kearifan tempatan dan pendidikan sivik yang baik. Artikel keempat pula, yang bertajuk "Leadership Challenges of the 21st Century: Professional Attitude and Critical Thinking Skills", menghurai dan mengenal-pasti cabaran-cabaran di alaf baru bagi seorang pemimpin dengan sikap yang profesional dan keupayaan berpikir kritikal. Manakala artikel kelima, yang bertajuk "Penguatan Pembelajaran IPS Berdasarkan Kurikulum 2013", adalah satu usaha untuk memperkasa mata pelajaran Pengajian Sosial berpaksikan kepada Kurikulum 2013 yang telah dikemas-kini di Indonesia.

Walaupun semua artikel dalam jurnal SOSIOHUMANIKA, untuk edisi November 2018, kali ini ditulis oleh para Pensyarah daripada Indonesia, tetapi hakikatnya adalah satu pemerihalan yang perlu secara berterusan diselidik dan dibincang, termasuk elok bila dilakukan tanda-aras, oleh ahli-ahli akademik di rantau Asia Tenggara dan serata Dunia. Manusia moden yang hidup di alam kesejagatan sekarang ini, jelas kekal memerlukan kongsi idea dan pengalaman bersabit isu-isu kritikal yang bercorak "glokal", iaitu kesejagatan dan tempatan sekaligus. Mana-mana yang menjadi isu tempatan kritikal dalam satu negara, ianya boleh dikenal-pasti memandangkan bakal ada kesan pula kepada daerah atau wilayah di negara jiran lainnya. Lantaran itu, elok dan selari pula cogankata daripada ASEAN (Association of South East Asian Nations) sebagai satu komuniti tunggal di rantau Asia Tenggara untuk kekal "caring and sharing".

Akhir sekali, jurnal SOSIOHUMANIKA jelas ada keazaman dan mahukan menjadi media akademik untuk "sharing and caring", tak setakat untuk ahli-ahli akademik di rantau Asia Tenggara, tetapi juga daripada serata Dunia. Oleh itu, sila hantar dapatan pemikiran dan penyelidikan bersabit isu-isu dalam Pendidikan Sains Sosial dan Kemanusiaan untuk diterbit dan diwar-warkan kepada ahli-ahli akademik di rantau Asia Tenggara dan serata Dunia. Semoga banyak faedah dan manfaatnya.

Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia: 30hb November 2018

Prof. Dr. Ismail Ali

Ketua Umum ASPENSI di Bandung, Penggal 2018-2023; dan Profesor Penuh Sejarah Maritim pada Jabatan Sejarah UMS di Kota Kinabalu, Malaysia.